



**TEKS UCAPAN ALUAN & PERASMIAN**

**YBHG. DATUK SERI SAIFUL ANUAR BIN  
LEBAI HUSSEN**

**PENASIHAT PUSPANITA  
UNIT PERANCANG EKONOMI (UPE)**

**SEMPENA**

**MESYUARAT TERHIMPUN PUSPANITA  
UPE, JPM**

**14 FEBRUARI 2022 (ISNIN)  
8.30 PAGI – 1.00 PETANG**

**BERTEMPAT DI**

**BILIK SEMINAR, ARAS G, MENARA PRISMA**

Bismillahirahmanirahim.

Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh &  
Selamat Pagi,

Yang Dihormati Saudari Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Datin Seri Suzana Kamisan  
Pengerusi, PUSPANITA Unit Perancang Ekonomi

Yang Berusaha Datuk Dr. Zunika Mohamed  
Timbalan Ketua Pengarah (Makro) UPE merangkap  
Timbalan Pengerusi I

Yang Berbahagia Datuk Yatimah Sarjiman  
Timbalan Pengerusi II

Yang Berbahagia Dato' Nor Azmie Diron  
Timbalan Ketua Pengarah (Makro)

Yang Berusaha Puan Zaeidah Mohamed Isa  
Naib Pengerusi

Yang Berusaha Tuan/Puan Pengarah Bahagian  
dan Ketua Unit, Unit Perancang Ekonomi

Ahli Jawatankuasa PUSPANITA Unit Perancang  
Ekonomi

Ahli PUSPANITA Unit Perancang Ekonomi dan  
semua yang hadir pada hari ini.

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu saya ingin merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin-Nya dapat kita bertemu di Majlis Perasmian sempena Mesyuarat Terhimpun PUSPANITA Unit Perancang Ekonomi Tahun 2022 pada hari ini. Alhamdullilah, majlis ini dapat dilaksanakan julung-julung kalinya di bangunan baharu Menara Prisma.

2. Sepertimana kita semua sedia maklum, PUSPANITA ditubuhkan atas matlamat untuk merekayasa dan mengupaya ahli-ahlinya, di samping memupuk semangat persefahaman dalam kalangan ahli terhadap rancangan-rancangan pembangunan negara khususnya yang berkaitan dengan kaum wanita di negara ini. Sehubungan itu, saya melihat PUSPANITA sememangnya memainkan peranan yang signifikan dalam memperkasa perkhidmatan awam secara amnya.

3. Tidak dapat dinafikan, menjadi suri dan anggota perkhidmatan awam merupakan cabaran yang perlu dihadapi oleh semua ahli PUSPANITA. Kecekalan dan kemampuan kaum wanita dalam mengimbangi keperluan pekerjaan dan rumahtangga memang tidak dapat disangkal. Dalam masa yang sama, kaum wanita juga terpanggil untuk menyumbang tenaga dan idea, maka Persatuan ini menjadi kekal relevan dan terus berdaya saing.

4. Selain itu, jalinan hubungan melalui pelbagai medium di luar kerja hakiki seperti PUSPANITA dijangka akan memperkuuh *networking*, kemesraan dan persefahaman dalam kalangan warga kerja wanita dengan suri warga kerja. Isteri yang mempunyai hubungan baik dengan teman sekerja suami secara tidak langsung akan membantu memperkuuh produktiviti dan semangat berpasukan suami di tempat kerja. Produktiviti yang cemerlang dan pasukan kerja yang mantap merupakan antara elemen penting dalam menjayakan objektif kerja organisasi.

5. Meskipun pandemik masih lagi membelenggu masyarakat, saya difahamkan PUSPANITA tidak menjadikannya sebagai satu penghalang untuk terus berkhidmat dan menyumbang bakti dalam aktiviti-aktiviti kebajikan dan kesukarelawan.

6. Ini terbukti apabila PUSPANITA Unit Perancang Ekonomi telah berjaya melaksanakan beberapa aktiviti sepanjang tahun 2021. Antaranya

adalah penyampaian sumbangan kebajikan kepada kumpulan sasaran sempena bulan Ramadhan dan Syawal, Pertandingan Reka Cipta Poster dan Video Pendek sempena Hari Kemerdekaan Tahun 2021 serta Majlis Hi Tea bagi meraikan pengorbanan ahli-ahlinya dalam menjayakan penyediaan dokumen Rancangan Malaysia KeduaBelas. Selain itu, sebagai tanda keprihatinan, PUSPANITA Unit Perancang Ekonomi juga tidak ketinggalan untuk memberi sumbangan kepada ahli yang dijangkiti Covid-19 dan terkesan banjir. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

7. Dari pemerhatian saya, program dan aktiviti yang telah dilaksanakan ternyata banyak memberi impak positif dan memenuhi objektif utama penubuhan PUSPANITA iaitu untuk merapatkan perhubungan muhibah dan menyatupadukan isteri-isteri dan anggota wanita Perkhidmatan Awam pada semua peringkat. Syabas dan tahniah juga kepada semua ahli PUSPANITA.

8. Saya juga dimaklumkan bahawa PUSPANITA Unit Perancang Ekonomi juga aktif menyumbang tenaga dan idea dalam menjayakan aktiviti-aktiviti di peringkat PUSPANITA Jabatan Perdana Menteri dan juga PUSPANITA Kebangsaan **di mana Datin Seri Suzana dan Datuk Yatimah adalah merupakan Naib-Naib Yang DiPertua didalam PUSPANITA KEBANGSAAN serta pelantikan dibuat selepas mendapat persetujuan Tan Sri KSN selaku Penasihat PUSPANITA KEBANGSAAN.** Pemilihan tersebut tentunya adalah mencerminkan kredibiliti dan kemampuan PUSPANITA EPU menyumbang secara signifikan didalam aktiviti puspanita di peringkat kebangsaan. Saya harap selepas saya pencen nanti, kecemerlangan ini dapat diteruskan pada masa hadapan. PUSPANITA Unit Perancang Ekonomi juga telah mencatat jumlah pengemaskinian keahlian yang tertinggi dua tahun berturut-turut di peringkat Jabatan Perdana Menteri. Saya percaya barisan Ahli Jawatankuasa PUSPANITA Unit Perancang

Ekonomi telah merancang aktiviti dan program yang bersesuaian pada tahun ini demi kebajikan ahli-ahlinya.

YBhg. Datin Seri, Datuk, Dr.,Datin dan puan-puan,

9. Sebagai penutup ucapan, saya mendokan semoga PUSPANITA Unit Perancang Ekonomi akan terus berdaya saing sebagai agen pemerkasaan wanita pada masa hadapan dan semoga terus melakar hala tuju yang bermakna dalam perkhidmatan awam. Juga tahniah dan syabas kepada Datin Seri Suzana Kamisan, Penggerusi PUSPANITA Unit Perancang Ekonomi, semua Ahli-Ahli Jawatankuasa dan ahli-ahli PUSPANITA serta mana-mana individu yang secara langsung atau tidak langsung yang telah sama-sama menyumbang tenaga, wang, masa serta buah fikiran dalam menganjurkan Mesyuarat Terhimpun PUSPANITA Cawangan Kecil, Unit Perancang Ekonomi, JPM Tahun 2022.

10. Dengan lafaz yang mulia  
Bismillahirrahmanirrahim sukacita saya dengan ini  
menyempurnakan perasmian Mesyuarat Terhimpun  
PUSPANITA Cawangan Kecil Unit Perancang  
Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Tahun 2022.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum  
warahmatullahi wabarakatuh.